

# Dasar hak asasi manusia global



Januari 2021

**Givaudan**  
Human by nature



# Komitmen kami untuk menghormati hak asasi manusia

Kami dibimbing oleh satu tujuan yang kukuh; Mencipta kehidupan lebih ceria, lebih sihat yang cintakan alam semula jadi. Mari bayangkannya bersama. Dalam usaha untuk menjadi kuasa yang mendorong kebaikan di dunia, kami harus bertanggungjawab terhadap tindakan kami serta bersikap rendah hati dan berempati walau di mana saja kami beroperasi. Kami mengambil berat akan kesan daripada tindakan kami, tak kira kecil atau besar, yang mempengaruhi mereka di sekeliling kami. Ini termasuk kesan terhadap hak asasi manusia dan mencegahnya daripada memudaratkan mana-mana individu yang berkaitan dengan perniagaan kami.

Givaudan telah membuat komitmen jelas berkenaan hak asasi manusia, termasuk hak buruh, seperti yang digariskan di dalam Prinsip Kelakuan(1) Kumpulan kami. Dasar Hak Asasi Manusia ini merupakan jawapan kepada apa yang diperlukan oleh pihak berkepentingan kami dan juga perniagaan kami sendiri dalam mengembangkan komitmen ini. Pada dasarnya, menghormati hak asasi manusia adalah panduan penting dalam menjalankan perniagaan dengan cara yang betul dan dalam amalan kami bagi mencapai matlamat. Komitmen terhadap standard etika yang tinggi, di samping ketelusan dan kejujuran dalam berurusan dengan pekerja, pelanggan, pembekal dan komuniti tempat kami beroperasi, membolehkan kami menjadi warga korporat yang bertanggungjawab.

Dasar ini terpakai bagi operasi langsung Givaudan, entiti-entiti yang kami miliki dan kemudahan-kemudahan di bawah pengurusan kami. Kami menghendaki pembekal kami, dan menyokong usaha mereka, untuk komited dalam menghormati hak asasi manusia yang sama termasuk hak buruh yang turut kami hormati. Ini digariskan dalam dasar Penyumberan Bertanggungjawab(2) khusus kami yang sejajar dengan dasar ini.

Kami menyedari akan tanggungjawab kami untuk menghormati hak asasi manusia dan bersetuju serta menyokong sepenuhnya Prinsip Panduan PBB bagi Perniagaan dan Hak Asasi Manusia ("UN Guiding Principles for Business and Human Rights"), Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional ("OECD Guidelines for Multinational Enterprises") Jun 2011 dan Deklarasi Tiga Pihak Prinsip berkenaan Perusahaan Multinasional dan Dasar Sosial ("Tripartite Declaration of Principles concerning Multinational Enterprises and Social Policy") Mac 2017.

Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia, untuk bertindak dengan membuat penelitian wajar bagi memastikan tindakan kami tidak menyebabkan atau menyumbang kepada pencabulan hak asasi manusia. Kami juga komited untuk mencegah dan menangani pencabulan hak asasi manusia yang berkait dengan operasi, produk atau perkhidmatan kami di serata dunia. Apabila merujuk kepada hak asasi manusia, kami merujuk kepada hak-hak yang dinyatakan di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Antarabangsa (termasuk Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat) dan Perisytiharan Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja ("Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work") Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Sekiranya prinsip dan amalan kami lebih ketat daripada undang-undang yang terpakai serta sejajar dengan kerangka hak asasi manusia yang berkenaan, kami akan menggunakan standard dalaman kami yang lebih tinggi.

Usaha kami untuk mendukung, dan jika berkenaan mempromosi, hak asasi manusia adalah berdasarkan komitmen kami, dan menolong kami mengamalkannya, di bawah Sepuluh Prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Panduan CEO WBCSD bagi Hak Asasi Manusia. Kami merupakan penandatanganan untuk keduanya. Ia juga membentuk sebahagian daripada sumbangan kami bagi merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan, terutamanya Matlamat 2, 3, 5, 6, 8 dan 17.

1. Prinsip Kelakuan Kami: [www.givaudan.com/our-company/responsible-business/code-of-conduct](http://www.givaudan.com/our-company/responsible-business/code-of-conduct)
2. Dasar Penyumberan Bertanggungjawab Kami: [www.givaudan.com/files/giv-responsible-sourcing-policy.pdf](http://www.givaudan.com/files/giv-responsible-sourcing-policy.pdf)





## Bidang tumpuan utama hak asasi manusia

Dalam skop komitmen hak asasi manusia kami yang komprehensif seperti yang digariskan di atas, bidang tumpuan berikut, antara lain, adalah yang paling utama bagi Givaudan. Bidang-bidang ini telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada penglibatan tetap secara berterusan kami dengan pihak berkepentingan, baik dalaman mahupun luaran.

### Hak terhadap pekerjaan yang sesuai dan kesihatan dan keselamatan pekerjaan

Kami bertindak selari dengan prinsip(3) Kod Dasar Inisiatif Perdagangan Beretika ("Ethical Trade Initiative", ETI) dan menghormati serta berpegang teguh kepada semua piawaiannya termasuk yang berkaitan dengan keadaan kerja, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, waktu bekerja, upah dan waktu rehat.

Bayaran upah kami adalah selaras dengan standard undang-undang tempatan yang boleh diterima serta Kod Dasar ETI. Kami juga menjalankan aktiviti penandaarasan di lokasi-lokasi tempat kami beroperasi. Kami tidak mendesak pekerja bekerja melebihi waktu bekerja standard sah industri yang boleh diterima. Sebarang kerja lebih masa yang dibuat mengikut had yang diterima, adalah secara sukarela sepenuhnya, dan diberi pampasan yang khusus. Kami memastikan waktu rehat tetap disediakan di samping kemudahan air dan sanitasi yang mencukupi.

Kami berusaha untuk menguruskan risiko berkaitan dengan menjalankan tugas dalam persekitaran perindustrian dan dengan mengendalikan bahan-bahan kimia yang berbahaya(4). Matlamat kami di Givaudan adalah untuk menghapuskan kemalangan dan memastikan 'Semua Pulang Dengan Selamat, Setiap Hari'. Kami menyedari bahawa kesihatan mental adalah elemen penting dalam kesihatan dan kesejahteraan keseluruhan individu. Oleh itu kami meletakkan penekanan khusus terhadap aspek ini sebagai sebahagian daripada usaha kesihatan dan keselamatan kami.

### Kesihatan & keselamatan pengguna

Menghormati hak asasi pengguna adalah satu bahagian penting usaha kami, terutamanya dari segi keselamatan produk dan kesan yang berpotensi terhadap hak kesihatan pengguna.

Kami komited dalam memastikan produk kami selamat untuk penggunaan yang dimaksudkan, dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Sebagai anggota utama dalam industri wangian dan perisa, kami juga berupaya untuk mempengaruhi secara positif kesejahteraan pengguna dan kami menyasarkan untuk membangunkan produk yang mempromosi aspek kesejahteraan selaras dengan tujuan kami.

### Kesaksamaan dan tanpa diskriminasi

Di Givaudan, kami menghargai kesaksamaan di seluruh organisasi dan kami komited sepenuhnya untuk menghormati prinsip kesaksamaan dengan mewujudkan pasukan kerja dan persekitaran yang seimbang, pelbagai serta inklusif. Kami percaya bahawa kesaksamaan dan kepelbagaian memacu inovasi dan mewujudkan hubungan lebih erat dengan pekerja, pelanggan dan rakan kongsi. Khususnya, kami memberi tumpuan terhadap layanan adil kepada wanita dan lelaki. Kami percaya bahawa pemeraksaan wanita adalah penting untuk mendukung hak asasi manusia, mencapai pertumbuhan ekonomi saksama dan mendorong pembangunan sosial dalam masyarakat. Kami komited sepenuhnya dalam memastikan gaji yang sama untuk kerja yang setaraf nilainya. Selain daripada operasi langsung kami, kami juga meneliti dan menggalakkan rantaian bekalan kami untuk memberi peluang yang adil dan memperkasakan wanita melalui pelbagai program yang dijalankan oleh syarikat.

Kami komited sepenuhnya dalam menghormati hak untuk bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi dan dalam memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk berjaya, tanpa mengira latar belakang atau jantina. Kami merekrut, menggaji dan menaikkan pangkat pekerja sepenuhnya atas dasar kelayakan dan kemampuan yang diperlukan bagi kerja yang hendak dilaksanakan, tanpa mengambil kira bangsa, warna kulit, umur, jantina, negara asal, agama, orientasi seksual atau sebarang kategori lain yang tidak ada kaitan dengan prestasi, dan kami juga menghendaki pembekal melakukan perkara yang sama.

### Kebebasan berkesatuan dan perundingan kolektif

Kami menghormati hak setiap individu terhadap kebebasan berkesatuan dan perundingan kolektif. Kami berhasrat untuk memupuk persekitaran yang memudahkan majikan dan pekerja untuk saling memahami cabaran masing-masing dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Ini penting memandangkan tenaga kerja global kami menjalankan operasi di pasaran antarabangsa dan oleh itu, harus berusaha untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pantas. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan dialog terbuka dengan wakil pekerja yang dipilih secara bebas.

### Tiada buruh kanak-kanak

Kami tidak mengamalkan atau bertolak ansur dengan sebarang bentuk eksploitasi kanak-kanak, dan kami tidak menawarkan pekerjaan kepada kanak-kanak yang belum tamat pendidikan wajib. Walau bagaimanapun, kami tidak akan menawarkan pekerjaan kepada mereka yang di bawah umur 15 tahun. Ini terpakai bagi pekerjaan di Givaudan, dan kami menghendaki rakan kongsi dan pembekal yang berurusan dengan kami juga bertindak dengan cara yang sama. Jika kami mendapati pekerja remaja terlibat dalam aktiviti perniagaan, walaupun tidak dikategorikan sebagai buruh kanak-kanak dari segi undang-undang, kami akan terus melatih dan mendidik pihak berkepentingan ke arah memastikan pekerja remaja dilindungi dan hak pendidikan mereka dijaga.

### Tiada buruh paksa, buruh wajib atau pemerdagangan manusia

Segala bentuk buruh paksa dan wajib adalah bertentangan dengan prinsip kami. Kami tidak mengamalkan atau bertolak ansur dengan sebarang bentuk eksploitasi atau buruh paksa atau buruh wajib termasuk buruh tahanan, buruh hutang, buruh terikat, buruh hamba atau sebarang bentuk pemerdagangan manusia, dan kami menghendaki pembekal bertindak dengan cara yang sama.

### Persetujuan bebas, terdahulu dan termaklum ("Free, Prior and Informed Consent", FPIC) dan hak tanah

Kami percaya bahawa tanah melambangkan sumber identiti dan budaya, dan merupakan aset ekonomi yang amat berharga. Kami menghormati hak dan pegangan harta dan tanah setiap individu atau kumpulan, termasuk Penduduk Asli atau komuniti tempatan. Ini juga merangkumi hak budaya, hak penentuan diri dan hak tidak berdiskriminasi dalam konteks ini. Oleh itu, kami tidak mengamalkan sebarang bentuk pengambilan tanah, air, hutan atau galian, yang kami sifatkan sebagai pelanggaran hak asasi manusia yang sistemik. Dalam sebarang rundingan berhubung dengan harta atau tanah milik individu atau golongan sedemikian, termasuk penggunaan dan pemindahannya, kami mengamalkan prinsip persetujuan bebas, terdahulu dan termaklum (FPIC), ketelusan dan pendedahan kontrak.

### Hak komuniti di tempat kami beroperasi

Kami menghormati hak asasi manusia penduduk komuniti yang terkesan daripada aktiviti kami. Kami mengakui bahawa kumpulan minoriti dan senang terdedah perlu diberi perhatian khusus. Kami berusaha untuk mengenal pasti perkara yang memberi kesan buruk terhadap hak asasi manusia dan untuk mengambil langkah-langkah wajar bagi mengelakkan, mengurangkan dan/atau membendungkannya. Kami melibatkan komuniti secara tetap dan sistematik dalam dialog pihak berkepentingan untuk, antara lain, memahami keperluan mereka dengan lebih baik. Melalui penglibatan komuniti dan pelbagai program syarikat(5), kami berusaha dengan lebih lanjut untuk memberi kesan positif terhadap hak asasi penduduk komuniti tempat kami beroperasi.

3. Kenyataan pandangan tanggungjawab sosial kami: [www.givaudan.com/files/giv-ps-social-responsibility.pdf](http://www.givaudan.com/files/giv-ps-social-responsibility.pdf)
4. Dasar kesihatan dan keselamatan kami: [www.givaudan.com/files/giv-ps-environment-health-safety.pdf](http://www.givaudan.com/files/giv-ps-environment-health-safety.pdf)
5. Usaha komuniti kami: [www.givaudan-foundation.org/](http://www.givaudan-foundation.org/)





## Perjalanan pelaksanaan kami

### Penelitian wajar dan penglibatan pihak berkepentingan

Bagi mengamalkan dasar ini, kami berusaha secara berterusan untuk mengenal pasti kesan terhadap hak asasi manusia, menghindari dan menanganinya, memantau berterusan akan keberkesanan langkah-langkah yang diambil dan memberi laporan prestasi secara berkala.

Kami sedar bahawa kami berada dalam satu perjalanan penambahbaikan yang berterusan. Kami beroperasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Oleh itu, kami perlu kerap mengkaji semula cara kami bertindak. Kami juga faham bahawa isu hak asasi manusia bukan satu perkara yang dapat ditangani secara bersendirian. Kami perlu bekerjasama dengan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja, pembekal, pelanggan, komuniti dan semua pihak berkepentingan lain yang berkenaan. Dasar Penyumberan Bertanggungjawab kami bertujuan untuk memastikan bahawa pembekal kami memegang prinsip yang sama seperti yang terkandung di dalam dasar ini.

Kami akan melaksanakan program hak asasi manusia pada peringkat Kumpulan. Ia akan turut merangkumi penilaian hak asasi manusia dan langkah-langkah untuk mengenal pasti dan melibatkan kumpulan minoriti dan senang terdedah sebagai sebahagian daripada dialog pihak berkepentingan.



## Pemulihan untuk pelanggaran dasar

Kami sedikit pun tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk pencabulan hak asasi manusia dan kami mengamalkan mekanisme ketat tadbir urus, aduan dan pemulihan bagi memastikan prinsip dan komitmen kami dipatuhi.

Kami menyediakan pelbagai mekanisme untuk menyuarakan kebimbangan. Pekerja boleh menyuarakan kebimbangan berkenaan dasar ini secara sulit kepada Pegawai Pematuhan Tempatan, Pegawai Pematuhan Korporat atau Jabatan Undang-undang atau melalui Talian Penting Pematuhan dalaman kami. Pihak ketiga boleh melaporkan isu secara sulit kepada Ketua Etika dan Pematuhan Kumpulan melalui e-mel kepada: [global.compliance@givaudan.com](mailto:global.compliance@givaudan.com).

Semua isu akan dikendalikan secara sulit, selaras dengan keperluan Givaudan untuk membuat siasatan, mematuhi keperluan undang-undang, dan secara bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan undang-undang, jika perlu. Givaudan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas terhadap sesiapa yang meminta nasihat atau melaporkan salah laku dengan niat baik.

## Tadbir urus

Pihak pengurusan dalaman memainkan peranan menguruskan kewajipan melaksanakan komitmen kami untuk setiap bidang tumpuan hak asasi manusia. Akauntabiliti keseluruhan dalam memastikan kami mendukung komitmen hak asasi manusia terletak pada Ketua Pegawai Eksekutif, dengan disokong oleh Jawatankuasa Eksekutif.

Struktur tadbir urus yang luas untuk pengurusan hak asasi manusia ini memastikan setiap bahagian perniagaan memahami tanggungjawab mereka dan terus menyumbang ke arah memartabatkan hak asasi manusia.

## Kenalan

Givaudan SA

Chemin de la Parfumerie 5  
1214 Vernier  
Switzerland

Maklumat am:

T + 41 22 780 9111

E [global.sustainability@givaudan.com](mailto:global.sustainability@givaudan.com)



Calvin Grieder  
Pengerusi

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'C. Grieder'.



Gilles Andrier  
Ketua Pegawai Eksekutif

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'G. Andrier'.

